

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Jumlah pesakit masuk wad meningkat 33 peratus

Kes baharu menurun kepada 3,936 kelmarin

Oleh Noor Atiqah Sulaiman dan Mahazura Abd Malik
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Jumlah kemasukan pesakit COVID-19 ke hospital awam bagi kategori satu dan dua serta tiga hingga lima masing-masing meningkat 33 peratus dengan penggunaan katil unit rawatan rapi (ICU) turut meningkat tiga peratus dalam tempoh 10 Julai hingga Ahad lalu atau Minggu Epidemiologi (ME) 28/2022.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata dalam tempoh itu jumlah kes baharu turut meningkat 23.4 peratus iaitu 26,355 kes berbanding 21,355 kes pada minggu sebelumnya.

Beliau berkata, peningkatan paling tinggi membabitkan kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara iaitu sebanyak 26.6 peratus atau 30 kes kepada 38

kes, manakala bagi penularan tempatan meningkat 23.4 peratus (21,325 kes kepada 26,317 kes).

"Bagi peratusan pengisian katil untuk fasiliti COVID-19, penggunaan katil bukan kritikal meningkat dua peratus, diikuti ICU meningkat tiga peratus serta di Pusat Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC), kekal dan tiada perubahan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, bagi kes positif yang dipantau melalui Pusat Penilaian COVID-19 (CAC), ia menerima peningkatan kedatangan pesakit 23.1 peratus.

"Bilangan kes COVID-19 baharu yang menjalani pemantauan di rumah meningkat 41.3 peratus dan pesakit yang dirujuk CAC ke PKRC dan hospital pula meningkat 18.2 peratus.

Kes sembuh meningkat

"Trend kes aktif yang dipantau secara maya (CAC maya) pada akhir ME 28/2022 pula meningkat 33.8 peratus berbanding pada akhir minggu lalu iaitu daripada 53,306 kes kepada 71,326 kes," katanya.

Mengulas kes sembuh di negara ini, Dr Noor Hisham berkata, ia turut meningkat 16.8 peratus iaitu daripada 16,379 kes kepada 19,136 kes.



Jumlah kemasukan pesakit bagi kategori satu hingga lima ke hospital awam bertambah antara tempoh 10 Julai hingga Ahad lalu. (Foto hiasan)

"Bilangan kes kematian pada ME 28/2022 menunjukkan peningkatan 2.6 peratus (38 kes kepada 39 kes) dan purata kes aktif setiap hari bagi ME 28/2022 adalah 38,110 iaitu terdapat peningkatan 18.6 peratus berbanding minggu sebelumnya," katanya.

Mengulas kes Penyakit Seperti Influenza (ILI) membabitkan kes COVID-19, Dr Noor Hisham ber-

kata, hasil surveilans di lokasi sentinel seluruh negara menunjukkan peningkatan 8.5 peratus kepada 11.5 peratus berbanding 10.6 peratus sebelumnya.

Sementara itu, angka kes baharu COVID-19 kelmarin menurun kepada 3,936 kes berbanding 5,047 kes direkodkan Sabtu lalu.

Berdasarkan maklumat di laman COVIDNow setakat tengah

Peningkatan paling tinggi membabitkan kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara iaitu sebanyak 26.6 peratus atau 30 kes kepada 38 kes, manakala bagi penularan tempatan meningkat 23.4 peratus

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan



malam kelmarin, daripada jumlah itu sebanyak 3,935 kes adalah penularan tempatan, manakala satu lagi mendapat jangkitan dari luar negara.

Sebanyak tujuh kematian direkodkan kelmarin menjadikan angka kematian mencecah 35,862 kes serta jumlah kumulatif meningkat kepada 4,622,981 kes, selain 528 kemasukan hospital.

Selain itu, seramai 40,933 pesakit daripada 42,541 kumulatif kes aktif menjalani kuarantin sendiri di rumah, manakala 33 orang ditempatkan di PKRC.

Daripada jumlah kes aktif itu, seramai 1,484 pesakit menerima rawatan di hospital dengan 38 pesakit daripada 61 ditempatkan di ICU yang memerlukan bantuan pernafasan.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 41

RUANGAN : DUNIA

Penularan COVID-19

Indonesia memasuki gelombang keempat

4,329 jangkitan baharu direkod Sabtu lalu susulan penularan pantas subvarian Omicron

Jakarta: Indonesia mengesahkan negara itu kini memasuki gelombang keempat jangkitan COVID-19 berpunca daripada subvarian Omicron yang pantas menular.

Jakarta Post melaporkan, Indonesia merekodkan 4,329 jangkitan baharu Sabtu lalu, jumlah kes harian tertinggi sejak 25 Mac, menurut data rasmi daripada pasukan petugas kebangsaan COVID-19.

Dari 10 Julai hingga 16 Julai, negara itu mencatatkan 22,684 kes baharu iaitu meningkat 27.6 peratus berbanding minggu sebelumnya dengan 16,426 kes baharu.

Ia kini mempunyai sejumlah

26,594 kes aktif.

Bagaimanapun, angka itu mungkin tidak menggambarkan dengan tepat skala sebenar jangkitan komuniti semasa.

Penularan berlaku kerana kurang jumlah ujian dan langkah pengesanan kontak, kata pakar.

Sementara itu, Tempo pula melaporkan, jurucakap kerajaan bagi pengendalian COVID-19, Wiku Adisasmito berkata, liputan vaksin penggalak di negara ini menurun dengan ketara.

Liputan vaksin penggalak menurun

Data menunjukkan kadar liputan vaksin di 28 wilayah masih di bawah 30 peratus.

"Jika dilihat daripada kadar liputan vaksin penggalak setiap wilayah, kadar tertinggi dicatatkan di Bali mencecah 58 peratus.

"(Ia) diikuti Jakarta, Kepulauan Riau, Jogjakarta, Jawa Barat, dan Kalimantan Timur walaupun kadar liputannya belum mencapai 50 peratus," katanya dalam satu kenyataan.

Wiku menggariskan, suntikan penggalak adalah sangat penting untuk mengekalkan imuniti orang ramai terhadap

jangkitan coronavirus.

Selain itu, varian virus baharu iaitu Omicron BA.4 dan BA.5 merekodkan sehingga 81 peratus daripada varian COVID-19.

Beliau turut menegaskan kerajaan sudah berusaha menyediakan pusat vaksinasi di setiap wilayah dan bekerjasama dengan Forum Komunikasi Pimpinan Wilayah (Forkompinda).

Di Jakarta, Bogor, Depok, Tangerang, dan Bekasi, terdapat 70 pusat vaksinasi dan jumlahnya akan terus meningkat.

"Diharapkan kerajaan dan rakyat akan terus mempercepatkan liputan vaksin, termasuk suntikan penggalak dan berdisiplin dalam melaksanakan protokol kesihatan.

"Jika kedua-dua usaha ini dijalankan secara kolektif, Indonesia boleh mencapai daya tahan dan kesihatan awam yang tinggi," kata Wiku.

Ketika trend COVID-19 meningkat baru-baru ini, Menteri Dalam Negeri, Muhammad Tito Karnavian mengeluarkan surat pekeliling pada 11 Julai lalu mengesahkan pemimpin serantau mempercepatkan pemberian vaksin penggalak di wilayah masing-masing.

Macau mulakan ujian saringan pusingan ke-11

Hong Kong: Macau memulakan ujian saringan COVID-19 pusingan ke-11 untuk penduduknya semalam susulan hab kasino terbesar di dunia itu melanjutkan penutupan kasino dan perniagaan lain dalam memeringi penularan terburuk sejak wabak itu bermula.

Meskipun kelmarin berlaku penurunan jangkitan yang berterusan, yang menyaksikan hanya 27 kes baharu dilaporkan, pihak berkuasa menegaskan lebih 600,000 penduduk bandar itu mesti tinggal di rumah dengan semua perniagaan yang tidak penting ditutup sehingga Jumaat.

Kini 90 peratus penduduk sudah diberi vaksin sepenuhnya, namun ia adalah kali pertama Macau terpaksa bergelut dengan varian Omicron yang merebak dengan pantas.

Wilayah pentadbiran khas China itu memulakan tempoh berkurung pada 11 Julai lalu dan dikesan berlaku lebih daripada 1,700 jangkitan sejak pertengahan Jun, apabila sebahagian besar bebas COVID-19 selepas penularan wabak pada Oktober 2021.

Bekas jajahan Portugis itu juga hanya mempunyai sebuah

hospital awam dan sistem perubatan dalam keadaan tertekan sebelum wabak itu bermula.

Dasar sifar COVID-19

Macau mengikut dasar 'sifar COVID-19' China untuk menghapuskan semua wabak dalam hampir semua kes dan ia bertentangan dengan trend global untuk cuba hidup bersama virus itu.

Ujian coronavirus untuk semua penduduk itu akan dilakukan sekurang-kurangnya dua kali minggu ini, dengan ujian antigen pantas juga dilakukan.

Enam pengendali kasino, Sands China, Wynn Macau, MGM China, Melco Resorts, Galaxy Entertainment, SJM Holding turut kerugian menjelang bidaan untuk lesen baharu, bulan depan.

Jangkitan harian di situ adalah lebih sedikit berbanding tempat lain seperti jirannya, Hong Kong, yang mana kes melonjak lebih daripada 3,000 sehari bulan ini selepas sekatan mula dikurangkan.

Macau yang mempunyai sempadan terbuka dengan tanah besar China dan ramai penduduk tinggal dan bekerja di bandar bersebelahan Zhuhai. REUTERS



Penduduk memakai pelitup muka beratur untuk menjalani ujian saringan COVID-19 di Macau.

(Foto REUTERS)

Ghana kenal pasti 2 kes pertama virus Marburg



Belum ada rawatan atau vaksin untuk virus Marburg yang dipercayai hampir sama bahaya dengan virus Ebola.

(Foto hiasan)

Accra: Dua kes virus Marburg yang membawa maut sudah dikenal pasti di Ghana, kali pertama penyakit seperti virus Ebola itu ditemui di negara Afrika Barat.

Perkhidmatan Kesihatan Ghana (GHS) berkata, awal bulan ini, sampel darah yang diambil daripada dua orang di wilayah Ashanti selatan mencadangkan mengenai virus Marburg dan sampel dihantar ke Institut Pasteur di Senegal sudah diagnosis.

"Ini adalah kali pertama Ghana mengesahkan Penyakit Virus Marburg," kata ketua GHS, Patrick Kuma-Aboagye dalam kenyataan.

Belum ada rawatan atau vaksin untuk Marburg, yang dipercayai hampir sama bahaya dan membunuh dengan virus Ebola. Gejalanya adalah demam

panas serta pendarahan dalaman dan luaran.

GHS berkata, sejumlah 98 orang yang dikenal pasti sebagai kes kontak kini turut berada di bawah kuarantin serta menyatakan bahawa tiada kes Marburg lain dikesan di Ghana.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) berkata, Guinea turut mengesahkan satu kes dalam wabak yang diisytiharkan berakhir pada September 2021 itu.

Boleh merebak daripada haiwan

Menurut WHO, wabak dan kes sporadik Marburg di Afrika dilaporkan di Angola, Republik Demokratik Congo, Kenya, Afrika Selatan dan Uganda.

Ia boleh merebak daripada

haiwan yang dijangkiti, termasuk kelawar.

"Oleh itu, orang ramai dinasihatkan supaya mengelakkan kegua yang didiami koloni kelawar dan memasak sepenuhnya produk daging sebelum dimakan," nasihat pihak berkuasa kesihatan Ghana.

Mereka yang dikenal pasti pernah berhubung dengan penghidap, termasuk kakitangan perubatan, mesti mengasingkan diri.

Penyakit virus itu dikatakan menyerang penghidap secara tiba-tiba dengan demam panas dan sakit kepala yang teruk.

Kata WHO lagi, kadar kematian dalam kes yang disahkan berkisar antara 24 peratus hingga 88 peratus dalam kes sebelumnya, bergantung kepada keseriusan virus dan pengurusan kes.

AFP

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

Puntung bersepah bawah meja

JKNJ keluar 62 notis kompaun atas kesalahan merokok di premis makanan babit nilai RM15,500

Oleh Izz Laily Hussein
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Tindakan segelintir individu ingkar larangan merokok di premis makanan, seolah-olah mencabar Jabatan Kesihatan Negeri (JKNJ) Johor untuk mengambil tindakan tegas.

Hasilnya, satu operasi bersepadu dijalankan JKN Johor di seluruh negeri ini menyakikan 62 notis kompaun dikeluarkan atas kesalahan merokok di premis makanan mengikut Peraturan 11(1)(d) Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 membabitkan kompaun bernilai RM15,500, kelmarin.

Akur dan tidak mempertikaikan tindakan JKNJ membuktikan mereka yang dikompaun tahu diri mereka melakukan kesalahan melanggar undang-undang.

Pengarah Kesihatan Negeri Johor Datuk Dr Aman Rabu berkata, situasi itu menunjukkan kesedaran tentang larangan merokok di premis makanan masih kurang memuaskan.

"Kesedaran tentang larangan ini tidak memuaskan hati. Jika tengok di premis



DR Aman (berdiri dua dari kanan) melihat pegawai penguat kuasa JKNJ menjalankan operasi di kedai makan di sekitar Johor Bahru. - Gambar NSTP/IZZ LAILY HUSSEIN

makanan ini, ada yang merokok dengan adanya kotak rokok di atas meja, adanya puntung rokok bersepah di bawah meja, kita rasa kesedaran itu masih kurang.

"Kita cuba beri kesedaran kepada mereka dan kita harap ahli keluarga atau sahabat tidak merokok boleh sama-sa-

ma bantu beri kesedaran.

"Tetapi, sepanjang operasi, mereka yang dikompaun ini patuh dan sedar kesalahan mereka melanggar undang-undang," katanya.

Beliau berkata ketika ditemui pada Operasi Bersepadu Penguatkuasaan PPKHT 2004 di kedai makan sekitar bandar

raya ini, kelmarin.

Operasi bersepadu bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dijalankan secara se-

rentak di seluruh negeri bermula jam 8.30 malam hingga 3 pagi semalam.

Dalam operasi, 125 premis diperiksa dan 143 notis kesalahan dikeluarkan terhadap pelbagai kesalahan membabitkan keseluruhan kompaun RM47,750.

Menurut Dr Aman, dari-



Sepanjang operasi, mereka yang dikompaun ini patuh dan sedar kesalahan mereka melanggar undang-undang"

Dr Aman

pada jumlah berkenaan, 62 notis dikeluarkan terhadap kesalahan merokok di premis makanan dengan kompaun RM15,500, selain 28 notis atas kesalahan menjual atau menawarkan jualan apa-apa rokok di bawah harga minimum dengan kompaun bernilai RM14,000.

"Kita mengeluarkan tujuh notis atas kesalahan menjual atau menawarkan untuk jualan apa-apa hasil tembakau dengan harga jualan runcit yang tidak diluluskan oleh Pengarah mengikut Peraturan 8A(5A) yang mana jumlah kompaun boleh dikenakan sebanyak RM3,500.

"Selain itu, pelbagai jenama rokok batang dianggar bernilai RM47,750 dirampas atas pelanggaran pelbagai kesalahan mengikut PPKHT 2004," katanya.

Kes baharu turun pada 3,936

Kuala Lumpur: Angka kes baharu Covid-19 setakat kelmarin menurun kepada sebanyak 3,936 kes berbanding 5,047 kes direkodkan pada Sabtu.

Berdasarkan maklumat di laman CovidNow, 3,935 kes membabitkan penularan tempatan manakala satu kes mendapat jangkitan dari luar negara.

Bagaimanapun tujuh kematian direkodkan menjadikan angka kematian mencecah 35,862 kes serta jumlah kumulatif meningkat kepada 4,622,981 kes, selain 528 kemasukan hospital.

Selain itu, 40,933 pesakit

1,484

Jumlah pesakit
mendapatkan rawatan
di hospital

daripada 42,541 kumulatif kes aktif menjalani kuarantin sendiri di rumah dan 33 ditempatkan di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC).

Daripada jumlah kes aktif itu, 1,484 pesakit menerima rawatan di hospital dengan 38 pesakit daripada 61 yang ditempatkan di unit rawatan rapi (ICU)

memerlukan bantuan pernafasan.

Sementara itu, 3,899 pesakit pula dilaporkan sembuh menjadikan keseluruhan kes sembuh mencapai 4,548,514.

Dalam pada itu, 27,380,770 atau 83.8 peratus daripada populasi Malaysia lengkap vaksinasi manakala 28,057,624 (85.9 peratus) menerima sekurang-kurangnya satu dos.

Pada masa sama, seramai 16,164,047 individu (49.5 peratus) sudah mengambil dos penggalak pertama dan 217,713 (0.7 peratus) menerima dua dos penggalak.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 21

RUANGAN : LOKAL

Pesakit Covid-19 dimasukkan ke hospital meningkat 33 peratus

Kuala Lumpur: Jumlah dimasukkan pesakit Covid-19 ke hospital awam bagi kategori satu hingga lima menunjukkan peningkatan 33 peratus dalam tempoh 10 Julai hingga Ahad lalu.

Dalam laporan Minggu Epidemiologi (ME) 28/2022 itu, Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, dalam tempoh terbabit, jumlah kes baharu meningkat 23.4 peratus iaitu 26,355 kes berbanding 21,355 kes pada minggu sebelumnya.

Menurutnya, peningkatan paling tinggi membabitkan kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara iaitu 26.6 peratus atau 30 kes kepada 38 kes manakala bagi penularan tempatan meningkat 23.4 peratus (21,325 kes kepada 26,317 kes).

"Bagi peratusan pengisian katil untuk fasiliti Covid-19, penggunaan katil bu-



Trend kes aktif yang dipantau secara maya (CAC maya) pada akhir ME 28/2022 pula meningkat 33.8 peratus berbanding pada akhir minggu lalu iaitu daripada 53,306 kes kepada 71,326 kes"

Dr Noor Hisham Abdullah

kan kritikal meningkat dua peratus, diikuti Unit Rawatan Rapi (ICU) meningkat tiga peratus serta di Pusat Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) kekal dan tiada perubahan," katanya.

Beliau berkata, bagi kes positif yang dipantau melalui Pusat Penilaian Covid-19 (CAC), mereka menerima peningkatan keda-

tangan pesakit 23.1 peratus.

"Bilangan kes Covid-19 baharu menjalani pemantauan di rumah meningkat 41.3 peratus dan pesakit dirujuk CAC ke PKRC dan hospital pula meningkat 18.2 peratus.

"Trend kes aktif yang dipantau secara maya (CAC maya) pada akhir ME 28/2022 pula meningkat 33.8 peratus berbanding pada akhir minggu lalu iaitu daripada 53,306 kes kepada 71,326 kes," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, bilangan kes sembuh turut meningkat 16.8 peratus iaitu daripada 16,379 kes kepada 19,138 kes.

"Bilangan kes kematian ME 28/2022 menunjukkan peningkatan 2.6 peratus (38 kes kepada 39 kes) dan purata kes aktif setiap hari bagi ME 28/2022 adalah 38,110 terdapat peningkatan 18.6 peratus berbanding minggu sebelum," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Alami simptom lebih teruk, hadapi isu kekurangan ubat

SHAH ALAM

Belanja tinggi untuk rawat influenza

Rata-rata ibu bapa yang mempunyai anak dan keluarga yang dijangkiti influenza mengakui mereka menghadapi kesukaran terutama dari segi penjagaan serta perbelanjaan rawatan.

Bagi mereka yang baru pertama berhadapan dengan jangkitan tersebut dalam kalangan ahli keluarga, situasi diserang influenza dengan simptom lebih teruk berbanding demam biasa seperti peningkatan tinggi suhu badan, sakit tekak dan batuk berlebihan pastinya sangat membimbangkan.

Situasi jangkitan influenza yang membabitkan sebahagian besar ahli keluarga termasuk ibu bapa dan anak turut memberikan beban kewangan yang tinggi bagi menampung keperluan kos pemeriksaan, perubatan serta pengambilan vaksin.

Menurut seorang peniaga, Hazatul Iffah Hamid, 43, dari Muar, Johor, kos untuk memeriksa dan membeli ubat bagi tiga orang ahli keluarga yang tidak memiliki sebarang per-



HAZATUL

lindungan insurans kesihatan boleh mencecah sehingga RM900.

Katanya, kos membiayai perubatan keluarga yang tahap jangkitan melibatkan lebih dua orang ahlinya adalah agak mahal.

Hazatul berkata, untuk ubat sahaja, ia boleh mencecah sehingga RM250 bagi seorang pesakit dan itu tidak termasuk kos pemeriksaan dan pengambilan vaksin.

"Tambahan pula sekarang ini kita hadapi isu kekurangan ubat," katanya yang pernah di-



NOR AKMAR

jangkiti influenza bersama dua orang anaknya.

Seorang suri rumah rumah, Nor Akmar Abdul Malik, 34, pula berkata, sebagai ibu yang tidak pernah berhadapan dengan jangkitan influenza dalam keluarga sebelum ini, ia sememangnya sesuatu yang membimbangkan lebih-lebih lagi anaknya pada ketika itu baru berusia tiga tahun.

"Mula-mula itu kita ingat demam biasa. Tapi bila bagi ubat demam dan tuam pun suhu masih terus tinggi. Jadi malam pertama anak saya kena itu memang tidak boleh tidur sebab

“

Mula-mula itu kita ingat demam biasa. Tapi bila bagi ubat demam dan tuam pun suhu masih tinggi. Jadi malam pertama anak saya kena itu memang tidak boleh tidur sebab perlu sentiasa tuam badan dia.”

- Nor Akmar

perlu sentiasa tuam badan dia. "Waktu itu risau kalau biarkan suhu tinggi anak akan berisiko terkena sawan," ujarnya yang terus membawa anaknya ke hospital.

Nor Akmar berkata, selepas melakukan pemeriksaan dan pengambilan ubatan, dia bersama anaknya terus tinggal kuarantin di rumah sehingga sembuh pulih.

Kemasukan pesakit Covid-19 ke hospital meningkat



NOOR HISHAM

KUALA LUMPUR - Bilangan kes baharu Covid-19 pada Minggu Epidemiologi ke-28 (ME 28/2022) dari 10 hingga 16 Julai meningkat sebanyak 23.4 peratus berbanding ME 27/2022 iaitu 26,355 kes daripada 21,355 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes tempatan Covid-19 pada ME ke-28 meningkat sebanyak 23.4 peratus menjadi 26,317 kes daripada 21,325 kes pada minggu sebelumnya manakala kes import meningkat sebanyak 26.6 peratus daripada 30 kes pada minggu se-

belumnya kepada 38 kes.

"Bilangan kes sembuh pada ME 28/2022 meningkat 6.8 peratus kepada 19,138 kes daripada 16,379 kes pada ME 27/2022," katanya menerusi kenyataan pada Isnin.

Menurut Dr Noor Hisham, bilangan kes kematian pada ME 28/2022 menunjukkan peningkatan sebanyak 2.6 peratus (38 kes kepada 39 kes) berbanding ME 27/2022 sementara purata kes aktif setiap hari bagi ME 28/2022 adalah 38,110 iaitu peningkatan sebanyak 18.6 peratus.

Katanya, jumlah kemasukan pe-

sakit Covid-19 ke hospital awam bagi setiap 100,000 penduduk meningkat sebanyak 33 peratus, dengan pesakit kategori satu dan dua meningkat 33 peratus manakala pesakit kategori tiga, empat dan lima turut mencatatkan peningkatan sama.

Menurut Dr Noor Hisham, peraturan pengisian katil fasiliti Covid-19 pada ME 28/2022 bagi katil bukan kritikal meningkat sebanyak dua peratus; katil Unit Rawatan Rapi (ICU) meningkat sebanyak tiga peratus; dan tiada perubahan pada katil PKRC. - Bernama

Hari-hari ada kes influenza tapi bekalan ubat habis, kata doktor

SHAH ALAM - Kebanyakan individu yang datang ke klinik setiap hari adalah mereka yang dijangkiti influenza dan Covid-19, kata seorang pengamal perubatan am di sebuah klinik Desa Petaling, Kuala Lumpur, Dr Eratha Krishnan Gobinadan.

Menurutnya, setiap hari pihaknya mengesan

sekarangnya-kurangnya enam orang dijangkiti influenza manakala lima lagi Covid-19.

Namun jelas beliau, pihaknya menghadapi masalah untuk merawat pesakit influenza.

"Bila kita dapat tahu ada kes influenza, kita nak rawat tak ada ubat. Ubat influenza itu tidak ada stok dan susah sangat (nak peroleh). Itu masalah besar se-

karang," katanya kepada Sinar Harian.

Dr Eratha berkata, jika tiada ubat, pihaknya akan merujuk pesakit ke hospital untuk mendapatkan ubat di samping pihak klinik memberikan ubat batuk, selesema dan demam.

Tambahnya, ubat influenza juga sukar didapati di farmasi kerajaan negara pada waktu ini meng-

alami masalah kekurangan ubat.

"Kita tak tahu dari mana dan macam mana nak dapatkan (ubat). Kita telefon wakil perubatan daripada syarikat farmasi, mereka pun tak ada stok," katanya.

Disebabkan itu, beliau berharap kerajaan boleh mengatasi masalah kekurangan ubat sama ada dengan cara mengimport atau menghasilkan sendiri ubat.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

Ramai kanak-kanak Malaysia bantut

Masalah tumbesaran di negara ini semakin membimbangkan

SYAJARATULHUDA
MOHAMAD ROSLI
GEORGETOWN

Kanak-kanak bantut akibat kekurangan pemakanan kronik di Malaysia adalah isu membimbangkan sedangkan negara kini mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat, pembangunan, peningkatan status sosioekonomi dan sistem penjagaan kesihatan.

Sehubungan itu, langkah Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar untuk menubuhkan Jawatankuasa Khas bagi membanteras pelbagai masalah pemakanan dalam kalangan kanak-kanak amat disokong.

Menurut Kaji Selidik Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2016, kadar bantut di-Malaysia ialah kira-kira 21 peratus iaitu tiga kali ganda lebih tinggi daripada keseluruhan ke-laziman tujuh peratus di negara berpendapatan sederhana yang mana Malaysia adalah salah satu daripadanya.

Hasil kajian itu menunjukkan, bilangan kanak-kanak bantut di bawah umur lima tahun meningkat daripada 17.7 peratus pada tahun 2015 kepada 21.8 peratus pada 2019.

Sejak pandemik

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader berkata, ke-

adaan pada ketika ini dilihat boleh menjadi lebih teruk kerana keluarga berpendapatan rendah terjejas akibat Covid-19 tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk membeli makanan berkhasiat kepada anak-anak mereka.

Katanya, kemiskinan dan



Bantut merupakan kegagalan tumbesaran biasa kepada kanak-kanak kecil disebabkan pemakanan dan jangkitan yang lemah.

bantut adalah dua faktor yang boleh menjelaskan perkembangan minda kanak-kanak termasuk fungsi kognitif.

"Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Hak Kanak-kanak (CRC). Oleh itu, keselamatan makanan dan kesihatan kanak-kanak adalah tanggungjawab negara.

"Kerajaan perlu membangunkan pendekatan holistik terhadap pemakanan dan tidak hanya melihat dari sektor kesihatan sahaja.

"Program pemberian makanan sekolah boleh membantu kanak-kanak yang kekurangan zat untuk pulih daripada bantut seperti program pemakanan sekolah di India yang membantu anak-anak pulih daripada penurunan pertumbuhan," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Tegas beliau, kerajaan juga harus meletakkan dasar meningkatkan akses keluarga kepada sumber makanan yang berkhiasat dan berpatutan.

"Satu kempen komunikasi massa di seluruh negara mengenai bantut dan pemakanan perlu dilaksanakan dengan segera memandangkan pengetahuan penduduk Malaysia tentang kesihatan adalah rendah dan masalah bantut tidak boleh dilihat dengan mata kasar.

"Ketika ini, terdapat banyak kempen awam diadakan selain pendidikan pemakanan untuk ibu mengandung dan menyusui dijalankan di klinik serta hospital.

"Selain itu, pendidikan amalan pemakanan bayi dan kanak-kanak diintegrasikan ke dalam program kesihatan awam di klinik. Ini termasuk penyebaran bahan bertulis, ceramah untuk ibu-ibu selepas bersalin, seminar dan juga demonstrasi masakan.

"Bagaimanapun, capaiannya terhad disebabkan penyertaan awam yang rendah," katanya.

Untuk rekod, bantut merupakan kegagalan tumbesaran yang biasa berlaku pada kanak-kanak kecil disebabkan pemakanan serta jangkitan yang lemah dan bukannya faktor genetik.

Kegagalan pertumbuhan ini berkait rapat dengan kemiskinan yang menyekat akses kepada kuantiti dan kualiti makanan.

Harga ubat perlu dikawal elak pencatutan

PUTRAJAYA - Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) disaran melakukan kawalan harga terhadap ubat-ubatan.

Presiden Persatuan Farmasi Malaysia, Amrahi Buang berkata, tindakan itu bagi mengelakkan berlakunya pencatutan khususnya terhadap ubat-ubatan yang mengalami bekalan meruncing seperti demam, sesesema dan antibiotik.

"Penyelarasan harga merupakan suatu keadaan yang kompleks, namun dari segi dasar, ia perlu dilakukan demi kepentingan rakyat," katanya ketika dihubungi Sinar Harian pada Isnin.

Menurutnya, kekurangan bekalan ubat perlu dianggap sebagai sekuriti ubat-ubatan sebagaimana sekuriti makanan.

"Kerajaan perlu memandangkan dan menangani isu kekurangan bekalan ubat-ubatan ini dengan lebih serius lagi kerana ia melibatkan ke-

san kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata, kekurangan bekalan ubat-ubatan di pasaran tempatan dikesan sejak Oktober tahun lalu.

"Walaupun kerajaan membenarkan penggunaan stok penimbun KKM, tetapi saya rasa ketidakstabilan bekalan ini akan terus berlaku sehingga pandemik Covid-19 benar-benar terkawal dan menjadi endemik," katanya.

Amrahi berkata, peningkatan kes influenza like illness (ILI) turut menjadi faktor penyumbang bekalan ubat-ubatan berada dalam keadaan mendesak.

"Kadaan itu memberi kesan terhadap bekalan sedia ada," katanya.

Ujarnya, semua pihak perlu bekerjasama untuk mencari jalan penyelesaian bersama dalam menghadapi isu kekurangan bekalan ubat.

"Jangan ada pihak yang menyorok bekalan untuk dapatkan keuntungan," tegasnya.

Tegas Amrahi, masyara-

ISU KEKURANGAN BEKALAN UBAT

kat juga diingatkan agar membeli ubat mengikut keperluan.

"Usah membazir membeli ubat yang tidak perlu," katanya.

Menyentuh mengenai peningkatan kos ubat-ubatan, beliau berkata, ia berlaku berdasarkan beberapa faktor, antaranya kawasan dan jenis pemilihan farmasi.

"Kos logistik adalah satu isu besar khusus nya di kawasan pedalaman termasuk Sabah dan Sarawak.

Harga ubat-ubatan adalah berbeza jika operasi sesebuah farmasi dikendalikan oleh seseorang ahli farmasi secara persendirian atau jenis rantaian kecil mahupun besar," katanya.

Katanya, kos operasi dan keupayaan premis untuk membeli ubat secara pukal adalah satu cabaran yang benar.

"Maka wujudlah kuota kuota di pasaran yang akhirnya memberi kesan kepada rakyat," katanya.

KANAK-KANAK BANTUT: BUKAN SEKADAR PENDEK



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NATION / NEWS

TABLING THIS WEEK

SUPPORT TOBACCO BILL, MPs URGED

Paediatricians say it will prevent children from taking up smoking

FARAH SOLHI
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

SEVERAL paediatricians are urging members of parliament to vote for the Tobacco and Smoking Control Bill, which is to be tabled this week.

The paediatricians yesterday said the bill would not only curb smoking and vaping among children, but would also influence the health and social wellbeing of many generations.

The group said it was crucial to remember that the bill did not limit smoking in adults, but aimed to stop the sale of cigarettes and vape products to all persons born after 2005.

"The 2016 National Tobacco and E-cigarette survey among Malaysian Adolescents showed that 9.1 per cent of adolescents aged 10 to 19 were e-cigarette users.

